

OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder

Glucosamine sulfate (1000mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder
2. Bagaimana OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder berfungsi
3. Sebelum mengambil OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder
4. Cara mengambil OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder
5. Semasa mengambil OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder

OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder digunakan sebagai terapi tambahan untuk osteoarthritis (kehilangan tulang rawan pada sendi).

Bagaimana OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder berfungsi

Glucosamine memainkan peranan penting dalam pembentukan rawan yang menutupi hujung tulang dan menghalangnya daripada bergesel antara satu sama lain semasa kita bergerak.

Sebelum mengambil OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder

– Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder sekiranya anda:

- alah terhadap glucosamine atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).
- mempunyai alahan terhadap kerang kerana bahan aktifnya diperolehi daripada makanan laut (kerang).

– Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai:

- kencing manis
- fungsi hati atau buah pinggang terjejas

Kesan glucosamine sulphate hanya dilihat selepas 1 minggu. Anda mungkin perlu mengambil ubat tahan sakit sekiranya anda mengalami sakit sendi pada permulaan rawatan dengan Glucosamine.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan sebarang ubat.

Kehamilan dan penyusuan

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusu sebelum menggunakan sebarang ubat. Jangan menggunakan ubat ini pada tiga bulan pertama kehamilan.

– Jika mengambil ubat- ubatan lain

Beritahu doctor anda sekiranya anda mengambil:

- Ubat kencing manis (metformin, tolbutamide, rosiglitazone)

Cara mengambil OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder

– Berapa banyak harus digunakan

Ambil 1 bungkus (larutkan dalam air).

– Bila perlu diambil

Ambil sekali sehari sebelum makan atau seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

– Berapa lama perlu diambil

Terapi awal harus diambil untuk sekurang-kurangnya 3 bulan.

Doktor anda akan menyesuaikan dos mengikut tindak balas anda. Adalah penting untuk terus mengambil produk untuk penyelenggaraan jangka panjang kesihatan sendi dan fleksibilitinya.

– Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

– Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah menggunakan terlalu banyak ubat ini.

Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Semasa mengambil OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder

– Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

– Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

– Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder terhadap anda.

Kesan Sampingan

Kesan sampingan di bawah telah dilaporkan:

- Bengkak kaki atau tangan, degupan jantung yang cepat
- Mengantuk, sakit kepala, kesukaran untuk tidur
- Mual, muntah, cirit-birit, senak atau sakit perut, sembelit, pedih ulu hati dan gangguan makan
- Kulit kemerahan dan gatal-gatal

OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder

Glucosamine sulfate (1000mg)

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)300922/00080

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan OSTEOACTIV Glucosamine 1000mg Powder

– Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya, kepanasan dan kelembapan.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

– Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

– Rupa dan warna produk

Serbuk halus berwarna putih dengan perisa limau semulajadi. Tanpa gula.

– Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif
Glucosamine sulfate

Bahan-bahan tidak aktif
Isomalt, aspartame, citric acid, lemon juice powder.

– Nombor MAL:

MAL07125185X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/11/2024